



Kerajaan akan semak semula kadar garis kemiskinan

Kadar had Pendapatan Garis Kemiskinan, (PGK) bakal disemak semula dan dijangka dipindah pada suku pertama tahun depan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed berkata **Jabatan Perangkaan** akan menyemak semula kadar kemiskinan dalam PGK yang diguna pakai ketika ini iaitu RM2,208 bagi isi rumah dan bagi miskin tegar RM1,169, setiap isi rumah.

Kerajaan dalam tempoh Rancangan Malaysia ke-12 mempunyai komitmen tinggi untuk menghapuskan isu miskin tegar dengan pendapatan purata RM1,169, setiap isi rumah menerusi pendekatan holistik dan komprehensif.

Kadar kemiskinan negara juga berubah dengan ketara sejak lima dekad lepas dipengaruhi faktor kadar pertumbuhan ekonomi secara keseluruhan yang memberangsangkan sepanjang tempoh itu serta kewujudan Dasar Ekonomi Baru.

<http://www.onenews.my/kerajaan-akan-semak-semula-kadar-garis-kemiskinan/>